

MALAYAN BANKING BERHAD (3813-K)*(Diperbadankan di Malaysia di bawah Ordinan Syarikat, 1940-1946)*

100, Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Rekod Pendeposit bagi saham-saham biasa Malayan Banking Berhad (“**Maybank**”) akan ditutup pada jam 5.00 petang pada 26 September 2013 (“**Tarikh Kelayakan**”) untuk menentukan kelayakan pemegang-pemegang saham bagi dividen tunai interim sebanyak 22.5 sen bagi setiap saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang dipegang dalam Maybank (“**Saham Maybank**”) bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Disember 2013, yang telah diisytiharkan oleh Lembaga Pengarah Maybank (“**Lembaga Pengarah**”) pada 21 Ogos 2013 (“**Dividen Tunai Interim**”).

DAN BAHAWA pemegang-pemegang saham Maybank layak untuk Dividen Tunai Interim hanya apabila:

- Saham Maybank didepositkan ke dalam Akaun Sekuriti Pendeposit sebelum jam 12.30 tengahari pada 24 September 2013 (bagi saham-saham yang dikecualikan daripada deposit mandatori);
- Saham Maybank dipindahkan ke Akaun Sekuriti Pendeposit bagi pindahan biasa sebelum jam 4.00 petang pada 26 September 2013; dan
- Saham Maybank dibeli termasuk asas kelayakan di Bursa Malaysia Securities Berhad (“**Bursa Securities**”) berdasarkan peraturan-peraturan Bursa Securities (iaitu sebelum jam 5.00 petang pada 23 September 2013).

DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA pelan pelaburan semula dividen (“**DRP**”) yang boleh dipilih dan berulang yang membenarkan pemegang-pemegang saham Maybank untuk melabur semula dividen tunai mereka ke dalam Saham Maybank baru akan diguna pakai bagi pembayaran Dividen Tunai Interim, di mana bahagian boleh pilih daripada Dividen Tunai Interim adalah 16.0 sen bagi setiap Saham Maybank yang dipegang, tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam dokumen dan borang **DRP** yang berkaitan yang akan dihantar kepada pemegang-pemegang saham yang layak dua (2) hari pasaran selepas Tarikh Kelayakan (iaitu menjelang 30 September 2013).

Tarikh tutup untuk mengambil bahagian dalam **DRP** bagi Dividen Tunai Interim disasarkan pada 14 Oktober 2013. Harga terbitan Saham Maybank baru yang akan diterbitkan sehubungan dengan **DRP** bagi Dividen Tunai Interim telah ditetapkan pada RM9.20 bagi setiap Saham Maybank baru (“**Harga Terbitan**”). Harga Terbitan ini berdasarkan lima (5) hari jumlah harga pasaran purata wajaran (*Volume Weighted Average Market Price* atau “**VWAMP**”) sebanyak RM9.95 setiap Saham Maybank sehingga dan termasuk 10 September 2013, yang merupakan hari terakhir dagangan sebelum tarikh penetapan harga bagi Harga Terbitan yang ditetapkan pada 11 September 2013, selepas menyelaraskan yang berikut:

- penyelarasan dividen sebanyak RM0.225 daripada lima (5)-hari **VWAMP** (“**VWAMP Tanpa-Dividen**”); dan
- diskaun sebanyak RM0.525 iaitu lebih kurang 5.40% diskaun daripada **VWAMP Tanpa-Dividen** sebanyak RM9.725.

Jangkaan tarikh bagi terbitan dan peruntukan Saham Maybank baru serta pembayaran dividen tunai kepada pemegang-pemegang saham yang layak adalah pada 25 Oktober 2013.

Dengan perintah Lembaga Pengarah

MOHD NAZLAN MOHD GHAZALI
(LS 0008977)

Setiausaha Syarikat

20 September 2013